



NEGERI KELANTAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 77

No. 21

23hb Mei 2024

TAMBAHAN No. 6

PERUNDANGAN

Kn. P.U. 13.

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

KAEDAH-KAEDAH PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2024

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

3. Penubuhan Jawatankuasa Pemajuan Pertanian Negeri
4. Fungsi Jawatankuasa
5. Mesyuarat Jawatankuasa
6. Tanggungjawab Jawatankuasa ke atas Pentadbiran Kumpulan Wang Pemajuan Pertanian

7. Tujuan Kumpulan Wang
8. Pelantikan Pegawai Pertanian Negeri
9. Kategori tanah pertanian komersil
10. Kuasa untuk menghendaki maklumat pengeluaran hasil pertanian

BAHAGIAN III

SIJIL PERAKUAN, PERMIT, DLL

Bab 1

Laporan Penilaian Kesesuaian Tanah

11. Penyediaan laporan
12. Bentuk dan syarat Sijil Perakuan
13. Pembaharuan Laporan Penilaian Kesesuaian Tanah

Bab 2

Permohonan Permit Pemindahan Hasil Pertanian

14. Permohonan untuk mendapatkan permit
15. Bentuk dan syarat permit

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN AM

16. Rayuan
17. Laporan aktiviti berkala
18. Kuasa untuk menghendaki pembayaran deposit
19. Bayaran pejabat dan fi
20. Kesalahan boleh dikompaun
21. Penyampaian dan penyiaran notis
22. Penetapan borang

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

KAEDAH-KAEDAH PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 21 Enakmen Pemasjuaan Pertanian Negeri Kelantan 2022 [*Enakmen 18*], Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Pemasjuaan Pertanian Negeri Kelantan 2024 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“dipegang” ertinya dimiliki sebagai tuan punya atau diberi hak penggunaan oleh tuan punya sama ada melalui sewaan, pajakan, atau pelupusan dengan apa cara sekalipun; atau seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;

“Enakmen” ertinya Enakmen Pemasjuaan Pertanian Negeri Kelantan 2022 [*Enakmen 18*];

“Jabatan Pertanian” ertinya Jabatan Pertanian Negeri Kelantan;

”Laporan Penilaian Kesesuaian Tanah” ertinya laporan kesesuaian tanah untuk aktiviti pertanian yang dikehendaki di bawah seksyen 8 Enakmen;

“Pegawai Pertanian” ertinya mana-mana pegawai perkhidmatan awam yang dilantik di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri atau mana-mana pelantikan di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri;

“Pihak Berkuasa Negeri” ertinya Pihak Berkuasa Negeri Kelantan;

“syarikat” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada perbadanan di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

“tanah kategori pertanian” hendaklah termasuk mana-mana yang digunakan bagi menjalankan aktiviti pertanian;

“tuan punya” ertinya mana-mana orang atau badan yang pada masa itu didaftarkan sebagai tuan punya mana-mana tanah pertanian komersil.

BAHAGIAN II**PENTADBIRAN****Penubuhan Jawatankuasa Pemajuan Pertanian Negeri**

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pemajuan Pertanian Negeri.

(2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) Setiausaha Kerajaan sebagai Pengerusi;

(b) Pegawai Kewangan Negeri sebagai Ahli;

(c) Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) sebagai Ahli;

(d) Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan sebagai Ahli; dan

(e) Pengarah Pembangunan Negeri sebagai urusetia.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik mana-mana anggota yang difikirkannya sesuai untuk berfungsi Pengerusi selama tempoh Pengerusi itu, atas sebab, tidak dapat menjalankan fungsinya, atau selama tempoh apa-apa kekosongan dalam jawatan Pengerusi, dan anggota itu hendaklah, selama tempoh dia menjalankan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

Fungsi Jawatankuasa

4. Jawatankuasa hendaklah –

(a) melaksanakan apa-apa fungsi yang diberikan atau dikenakan ke atasnya di bawah Kaedah-Kaedah ini; dan

(b) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

Mesyuarat Jawatankuasa

5. (1) Mesyuarat hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu untuk melaksanakan fungsinya.

(2) Pada mana-mana mesyuarat Jawatankuasa, Pengerusi dan dua anggota lain hendaklah membentuk kuorum.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi.

(4) Jika atas apa-apa persoalan yang hendak ditentukan terdapat persamaan undi, Pengerusi mempunyai undi pemutus.

(5) Tertakluk kepada Enakmen, Jawatankuasa hendaklah menentukan prosedurnya sendiri.

Tanggungjawab Jawatankuasa ke atas pentadbiran Kumpulan Wang Pemajuan Pertanian

6. (1) Jawatankuasa hendaklah bertanggungjawab untuk mentadbir Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 11 Enakmen.

(2) Sepuluh peratus daripada apa-apa bayaran yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Tabung Kumpulan Wang Pemajuan Pertanian.

Tujuan Kumpulan Wang

7. Kumpulan Wang hendaklah digunakan bagi tujuan berikut:

- (a) menyediakan rancangan pengurusan pertanian bagi Negeri Kelantan;
- (b) menyediakan dan melaksanakan rancangan pemulihan tanah pertanian termasuk pemulihan tanah terbiar;
- (c) mengkaji semula rancangan pengurusan pertanian Negeri dan rancangan pemulihan tanah;
- (d) membayar apa-apa gantirugi ke atas apa-apa yang difikirkan wajar mengikut Enakmen ini;
- (e) membuat pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi apa-apa tujuan di bawah Enakmen;
- (f) apa-apa perbelanjaan yang ditanggung beban oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam melaksanakan rancangan pertanian di bawah Enakmen.

Pelantikan Pegawai Pertanian Negeri

8. Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik mana-mana pegawai awam selain daripada pegawai awam negeri yang dilantik di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri atau Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pegawai Pertanian.

Kategori tanah pertanian komersil

9. (1) Maka hendaklah tanah pertanian komersil itu dikategorikan mengikut aktiviti pertanian yang ditentukan dalam Jadual Kedua.

(2) Walau apa pun yang terkandung dalam Jadual yang dinyatakan di dalam subkaedah (1), mana-mana tanah pertanian yang dipegang oleh mana-mana badan atau syarikat ataupun mana-mana tanah pertanian komoditi berkeluasan empat hektar dan ke atas adalah merupakan tanah pertanian komersil bagi maksud Enakmen dan Kaedah-Kaedah ini.

Kuasa untuk menghendaki maklumat pengeluaran hasil pertanian

10. (1) Bagi tujuan mendapatkan maklumat penuh untuk memastikan sama ada sesuatu tanah pertanian itu tertakluk di bawah mana-mana peruntukan di dalam Enakmen ini, Pentadbir Tanah boleh melalui notis dalam Borang 1 Jadual Pertama menghendaki mana-mana tuan punya atau pengusaha mana-mana tanah pertanian —

- (a) untuk melengkapkan dan menyerahkan kepada Pentadbir Tanah dalam masa yang dinyatakan dalam notis, dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh pengeluaran notis, sebarang penyata yang dinyatakan khusus di dalam notis;
- (b) untuk hadir sendiri di hadapan Pentadbir Tanah dan mengemukakan bagi tujuan pemeriksaan semua buku, akaun, penyata dan dokumen lain yang Pentadbir Tanah fikirkan perlu; atau
- (c) untuk memberikan secara bertulis maklumat atau butir-butir yang difikirkan perlu oleh Pentadbir Tanah sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 2 Jadual Pertama.

(2) Jika tuan punya atau pengusaha gagal mengemukakan apa-apa penyata sebagaimana dinyatakan dalam notis di bawah subkaedah (1), Pentadbir Tanah berhak, berdasarkan apa-apa maklumat yang ada padanya, menentukan sama ada aktiviti pertanian yang dijalankan terjumlah kepada aktiviti pertanian komersil atau tidak.

(3) Pentadbir Tanah setelah menerima maklumat yang dikehendaki di dalam notis hendaklah mengemukakan kepada Jabatan Pertanian untuk penilaian.

BAHAGIAN III

SIJIL PERAKUAN, PERMIT DLL

Bab 1

Laporan Penilaian Kesesuaian Tanah

Penyediaan laporan

11. (1) Suatu laporan yang dikehendaki di bawah seksyen 8 Enakmen hendaklah disediakan oleh badan yang kompeten dan hendaklah dihantar kepada Pentadbir Tanah sebagaimana yang ditetapkan dalam Laporan 1 Jadual Keempat.

(2) Bagi laporan yang disediakan oleh Jabatan Pertanian, permohonan bagi mendapatkan laporan sedemikian boleh dibuat oleh tuan punya tanah atau pengusaha kepada Jabatan Pertanian dengan menggunakan Borang 4 Jadual Pertama.

(3) Tanpa menjejaskan peruntukan lain dalam kaedah ini, Pentadbir Tanah boleh mengeluarkan notis dalam Borang 3 Jadual Pertama yang menghendaki mana-mana tuan punya atau pengusaha tanah pertanian komersil untuk mengemukakan laporan.

(4) Setiap permohonan yang dibuat di bawah subkaedah (2) adalah tertakluk kepada fi yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga dan hendaklah dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

(5) Setiap laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian hendaklah disediakan oleh Pegawai Pertanian.

(6) Laporan yang disediakan oleh Jabatan Pertanian hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah untuk mendapatkan Sijil Perakuan sebagaimana kehendak seksyen 8 Enakmen.

(7) Pentadbir Tanah setelah menerima laporan mengikut subkaedah (1) atau apa-apa syor daripada Jabatan Pertanian mengikut subkaedah (2) bolehlah mengeluarkan Sijil Perakuan dalam Borang 5 Jadual Pertama.

Bentuk dan syarat Sijil Perakuan

12. (1) Apa-apa Sijil Perakuan yang dikeluarkan mengikut subkaedah 11(7) akan mempunyai kesan tertakluk kepada apa-apa syarat atau peruntukan-peruntukan lain sebagaimana yang terkandung di dalamnya dan, setakat mana yang tidak bercanggah dengannya, kepada apa-apa syarat atau peruntukan-peruntukan lain yang mungkin ditetapkan.

(2) Sijil Perakuan yang dikeluarkan di bawah kaedah ini tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak.

Pembaharuan Laporan Penilaian Kesesuaian Tanah

13. Mana-mana Laporan Penilaian Kesesuaian Tanah yang telah disediakan dan diperaku di bawah kaedah 11 hendaklah terhenti daripada berkuat kuasa apabila tanah pertanian komersil itu telah diubah atau dikenakan syarat nyata yang baharu.

Bab 2

Permohonan Permit Pemindahan Hasil Pertanian

Permohonan untuk mendapatkan permit

14. (1) Suatu permohonan bagi mendapatkan permit pemindahan hasil pertanian di bawah seksyen 13 Enakmen hendaklah dibuat kepada Pentadbir Tanah dalam Borang 6 Jadual Pertama.

(2) Fi yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga hendaklah dibayar apabila permohonan permit telah diluluskan.

(3) Jika jumlah fi yang dinyatakan dalam syarat kelulusan tersebut tidak dibayar dalam tempoh seperti yang dinyatakan dalam syarat kelulusan, maka kelulusan tersebut akan luput dan disifatkan sebagai telah ditarik balik.

Bentuk dan syarat permit

15. (1) Jika sesuatu permohonan telah diluluskan, Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan permit dalam Borang 7 Jadual Pertama; dan apa-apa permit sedemikian akan mempunyai kesan tertakluk kepada apa-apa syarat atau peruntukan-peruntukan lain sebagaimana yang terkandung di dalamnya dan, setakat mana yang tidak bercanggah dengannya, kepada apa-apa syarat atau peruntukan-peruntukan lain yang mungkin ditetapkan.

(2) Permit yang dikeluarkan di bawah kaedah ini tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN AM

Rayuan

16. Mana-mana orang atau badan yang terkilan dengan apa-apa keputusan Pentadbir Tanah, bolehlah, pada bila-bila masa dalam tempoh tiga bulan bermula dari tarikh keputusan tersebut disampaikan kepadanya, merayu mengenainya kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Laporan aktiviti berkala

17. Tiap-tiap tuan punya tanah atau pengusaha tanah pertanian komersil hendaklah mengemukakan kepada Pentadbir Tanah, lima salinan laporan aktiviti berkala dalam Laporan 2 Jadual Keempat pada penghujung setiap setengah tahun kalendar.

Kuasa untuk menghendaki pembayaran deposit

18. (1) Walau apa jua peruntukan di dalam Kaedah-Kaedah ini, Pentadbir Tanah boleh jika difikirkannya patut mengarahkan supaya tiada permohonan yang dibuat di bawah mana-mana peruntukan dalam kaedah ini akan dilayan melainkan dan sehingga telah dibayar kepadanya, secara deposit, suatu jumlah yang dianggarkan olehnya sebagai jumlah keseluruhan yang perlu dibayar jika permohonan itu diluluskan.

(2) Tanpa menjejaskan subkaedah (1), Pentadbir Tanah boleh dalam keadaan-keadaan tertentu memungut sebahagian daripada jumlah itu sebagai deposit dengan syarat tidak boleh kurang daripada tiga puluh peratus daripada keseluruhan jumlah yang dianggarkan.

Bayaran dan fi

19. (1) Bayaran dan fi yang dikenakan di bawah Kaedah-Kaedah ini ditetapkan sebagaimana Jadual Ketiga.

(2) Setiausaha Kerajaan boleh bagi apa-apa alasan yang munasabah meluluskan apa-apa peremitan bayaran fi dalam kes-kes tertentu.

(3) Walau apa pun subkaedah (2), sebarang peremitan yang diluluskan hendaklah tidak melebihi empat puluh peratus daripada jumlah bayaran yang dikenakan.

Kesalahan boleh dikompaun

20. (1) Kesalahan yang dinyatakan di bawah subseksyen 6(4), 7(2), 8(4), 10(2) dan 13(5) Enakmen ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang disebut dalam subkaedah (1) boleh dikompaun oleh Pentadbir Tanah dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya.

(3) Selepas satu penyiasatan dan mendapati bahawa kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, Pentadbir tanah, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, membuat tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan menyampaikan notis dalam Borang 8 Jadual Pertama.

(4) Penerimaan tawaran hendaklah dibuat dalam Borang 9 Jadual Pertama dan boleh dibuat pada bila-bila masa dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis diserahkan dan jika pembayaran dibuat pada atau sebelum tamat tempoh empat belas hari sebagaimana di atas, prosiding selanjutnya tidak akan diambil.

Penyampaian dan penyiaran notis

21. Tanpa menjejaskan apa-apa kaedah penyampaian yang lain, suatu notis bolehlah disampaikan kepada seseorang atau badan bagi maksud Kaedah-Kaedah ini sebagaimana peruntukan di bawah Bahagian Tiga Puluh Tiga Kanun Tanah Negara 1965.

Penetapan borang

22. Setiausaha Kerajaan boleh, jika difikirkannya perlu, pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen dan Kaedah-Kaedah ini, menetapkan apa-apa borang atau membuat pindaan pada borang-borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

JADUAL PERTAMA

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

**Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024
Borang 1 Jadual Pertama
(Subkaedah 10(1))**

NOTIS UNTUK MENGEMUKAKAN TAKSIRAN AWAL PENDAPATAN

Kepada
beralamat di

Tuan punya / pengusaha tanah / bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah yang diberimilik dalam Jadual di bawah.

No. Fail :

Bandar/Pekan /Mukim	No. *Lot/P.T.	Luas	Perihal dan No. Hakmilik

Bahawasanya saya, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subkaedah 10(1) Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024, saya dengan ini menghendaki kamu, dalam tempoh _____ hari untuk mengemukakan kepada saya suatu laporan iaitu Laporan Taksiran Awal Pendapatan sebagaimana ditetapkan dalam Borang 2 Jadual Pertama.

Bertarikh pada haribulan20.....

Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024
Borang 2 Jadual Pertama
(Subkaedah 10(1))

NOTIS BORANG TAKSIRAN AWAL PENDAPATAN

1. Maklumat Permohonan

Bil	Nama Penuh Pemohon	
1	No. Kad Pengenalan	
2	Nama Syarikat	
3	Nombor Pendaftaran Syarikat	
4	No. Telefon	
5	Alamat Surat Menyurat	

2. Maklumat Pemilik / Pengusaha

Bil	Nama Pemunya Tanah/ Pengusaha	
1	No. Tel	
2	No. Geran	
3	No. Lot	
4	Status tanah	
5	Mukim	
6	Daerah	
7	Jajahan	
8	Luas Tanah	

3. Maklumat Pertanian

Bil	Status	Telah bertanam / Belum bertanam
1	Tahun Mula Bertanam	
2	Jumlah Pekerja	
3	Status Pensijilan (<i>Sekiranya ada</i>)	
4	Mekanisasi (<i>Sekiranya ada</i>)	

4. Maklumat tanaman

Bil.	Jenis Tanaman	Luas Fizikal (Ha)	Luas Bertanam (Ha)	Hasil Setahun (Kg)	Jumlah Hasil Setahun (RM)
1					
2					
3					
4					
5					
Jumlah					

**sila lampirkan maklumat jenis tanaman sekiranya tidak mencukupi*

5. Perakuan Pemohon

Saya mengesahkan segala maklumat yang diberikan dan dilampirkan oleh saya ini adalah benar. Saya faham dan bersetuju sekiranya maklumat yang diberikan TIDAK BENAR, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak berkenaan.

Tandatangan

Tarikh

Nota: Sila lampirkan salinan semasa menghantar borang ini:

- 1. Salinan geran tanah*
- 2. Salinan dokumen sewaan*

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024
Borang 3 Jadual Pertama
(Subkaedah 11(3))

**NOTIS UNTUK MENGEMUKAKAN LAPORAN PENILAIAN
KESESUAIAN TANAH(LPKT)**

Kepada

beralamat di

Tuan punya / pengusaha tanah / bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah yang diberi milik dalam Jadual di bawah.

No Fail :

Bandar/Pekan /Mukim	No. *Lot/P.T.	Luas	Perihal dan No. Hakmilik

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subkaedah 11(3) Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024, saya dengan ini menghendaki kamu untuk mengemukakan suatu laporan iaitu Laporan Penilaian Kesesuaian Tanah yang disediakan oleh badan yang kompeten sebagaimana format yang ditetapkan dalam Laporan 1 Jadual 4.

Sekiranya kamu berhasrat supaya LPKT disediakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, permohonan boleh dibuat menggunakan Borang 4 Jadual 1.

Bertarikh pada haribulan20.....

Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024
Borang 4 Jadual Pertama
(Subkaedah11(2))

**BORANG PERMOHONAN PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN
KESESUAIAN TANAH (LPKT)**

Pengarah,
Jabatan Pertanian Negeri Kelantan,
Karung Berkunci No. 22,
15990 Kota Bharu, Kelantan.

Tarikh :

Tuan,

**PERMOHONAN PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN KESESUAIAN
TANAH (LPKT)**

No. Fail :

Nama : _____

Bagi maksud keperluan mengemukakan Laporan Penilaian Kesesuaian Tanah (LPKT) di bawah seksyen 8 Enakmen Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2022 saya,.....(tuan punya / pengusaha) yang beralamat di

Dengan ini memohon kepada tuan di bawah subkaedah 11(2) Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024, untuk menyediakan Laporan berkenaan untuk membolehkan saya mendapatkan Sijil Perakuan daripada Pentadbir Tanah di bawah kaedah 12 Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024.

2. Sekiranya permohonan ini diluluskan, saya / kami akan mematuhi apa jua syarat yang dikenakan.

1. PERIHAL TANAH

(a) Nama (tuan tanah) : _____

(b) Nama Pengusaha : _____
(jika berkaitan)

(c) Mukim : _____

(d) Jajahan : _____

(e) Keluasan (m²) : _____

**2. NAMA SYARIKAT, NO SYARIKAT, ALAMAT SYARIKAT DAN NO.
TELEFON**

(jika berkaitan)

Tandatangan pemohon/
Tandatangan & cop rasmi

*Potong jika tidak berkenaan

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

- (A) Fi permohonan sebagaimana butiran (1) Jadual Ketiga Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024 telah dijelaskan.
- (B) Permohonan di bawah subkaedah 11(2) Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024 diluluskan / ditolak.

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024
Borang 5 Jadual Pertama
(Subkaedah 11(7))

SIJIL PERAKUAN

No. Rujukan :

Kepada :

Alamat :

Tuan punya / pengusaha tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah.

*Bandar/Pekan /Mukim	No. *Lot/P.T.	Luas	Perihal dan No. Hakmilik

Mengikut syarat-syarat Seksyen 8(3) Enakmen Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2022 serta tertakluk kepada syarat – syarat atau spesifikasi kerja yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan, maka adalah dengan ini diperakui dan diluluskan Laporan Penilaian Kesesuaian Tanah (LPKT) yang dikemukakan di bawah subkaedah 11(6).

Sila ambil perhatian, bahawa pemajuan yang dijalankan diatas tanah yang diperihalkan diatas hendaklah mematuhi sebagaimana LPKT yang diluluskan. Sebarang ketidakpatuhan kepada mana-mana syarat adalah merupakan suatu pelanggaran kepada undang-undang.

Bertarikh pada haribulan20.....

Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan

s.k:-

- 1) Jabatan Pertanian Negeri Kelantan
- 2) Fail Am.

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024
Borang 6 Jadual Pertama
(Subkaedah 14(1))

BORANG PERMOHONAN PERMIT PEMINDAHAN HASIL PERTANIAN

Pentadbir Tanah,
Alamat :

Tarikh :

Tuan,

PERMOHONAN PERMIT PEMINDAHAN HASIL PERTANIAN

No. Fail :

Nama :

Bagi maksud keperluan untuk mendapatkan kebenaran Pentadbir Tanah di bawah seksyen 13 Enakmen Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2022 saya, dengan ini memohon kepada tuan di bawah subkaedah 14(1) Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024, untuk membolehkan saya mendapatkan Permit Pemindahan Hasil Pertanian sebagaimana berikut:

A. PERIHAL TANAH

*Bandar/Pekan /Mukim	No. *Lot/P.T.	Luas	Perihal dan No. Hakmilik

B. JENIS DAN JUMLAH HASIL PERTANIAN YANG DIPINDAHKAN

Bil.	Jenis Tanaman	Tempoh pemindahan	Jumlah (Kg)
1			
2			
Jumlah			

2. Sekiranya permohonan ini diluluskan, saya / kami akan mematuhi apa jua syarat yang dikenakan.

- 3. NAMA SYARIKAT, NO SYARIKAT, ALAMAT SYARIKAT DAN NO. TELEFON**
(jika berkaitan)

Tandatangan pemohon/
Tandatangan & cop rasmi

*Potong jika tidak berkenaan

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

- (A) Fi permohonan sebagaimana butiran (1) Jadual Ketiga Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024 telah dijelaskan.
- (B) Permohonan di bawah subkaedah 14(1) Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024 diluluskan / ditolak.

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024
Borang 7 Jadual Pertama
(Subkaedah 15(1))

PERMIT PEMINDAHAN HASIL PERTANIAN

No. Permohonan :
Fee (Ringgit Malaysia) :
No. Resit Bayaran Pendaftaran :
Nama Pemegang Permit :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :

Dengan ini disahkan bahawa pemindahan hasil pertanian dari tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dilaporkan kepada saya, maka adalah dengan ini diberi kebenaran untuk pemindahan tersebut tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebagaimana dijadualkan dan kepada mana-mana peruntukan lain yang ditetapkan oleh Kaedah.

Bertarikh pada haribulan20.....

Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan

PERIHAL MENGENAI TANAH

*Bandar/Pekan/Mukim

*Tanah Rizab/Tanah Kesultanan.....

Tanah Bermilik (Hakmilik No.)

Tempat (atau *No. PT/Lot jika ada).....

Luas tanah.....(Pelan lakar disebelah)

*Potong jika tidak berkenaan

JADUAL

- (1) Permit ini akan bermula pada dan tamat pada *31hb
Disember/.....
- (2) Tiada apa-apa hasil pertanian boleh dipindah selain daripada
- (3) Kuantiti maksima hasil pertanian yang boleh dipindahkan (melainkan kuantiti
tambahan diluluskan selepas ini) adalah sebanyak
- (4) Fee hendaklah dibayar atas kadar RM.....bagi(unit
kuantiti hasil pertanian)
- (5) Permit ini *tidak boleh diserahkan/boleh diserahkan di bawah Kaedah 15 (2)
- (6) Permit ini hendaklah tamat sekiranya berlaku kematian orang, atau pembubaran
badan, yang buat masa itu berhak mendapat faedah darinya.
- (7) Permit ini bolehlah dibatalkan -
 - (a) dengan serta-merta, dan tanpa bayaran pampasan, jika berlakunya pelanggaran
mana-mana peruntukan yang kepadanya ia tertakluk;
 - (b) dengan bayaran pampasan pada bila-bila masa sebelum tamatnya tempoh
- (8)
- (9)

*Potong jika tidak berkenaan

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024
Borang 8 Jadual Pertama
(Subkaedah 20(3))

NOTIS KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUNKAN

No. Rujukan :

Kepada :
beralamat di
.....

Nama :

Alamat :

Satu laporan telah dibuat terhadap anda yang mensabitkan anda melakukan kesalahan di bawah Enakmen Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2022.

Bahawasanya saya, yang bertandatangan di bawah, berpuas hati bahawa kesalahan yang dinyatakan di bawah telah berlaku iaitu:

Bahawa kamu pada di lokasi
..... telah
.....

Dan bahawasanya saya berpendapat bahawa kesalahan di atas boleh dikenakan kompaun.

2. Maka dalam menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 24(1) Enakmen Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2022 dan kaedah 20 Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024, saya dengan ini menawarkan untuk mengkompaunkan kesalahan yang dinyatakan di atas untuk sejumlah wang sebanyak Jika tawaran ini diterima, bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk tunai atau kiriman wang, wang pos atau draf bank kepada Pentadbir Tanah _____ dan hendaklah dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

3. Tawaran ini sah untuk tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis ini diterima dan jika amaun yang ditetapkan di dalam notis ini tidak dibayar sepenuhnya selepas tempoh di atas, tindakan pendakwaan bagi kesalahan ini akan diambil tanpa diberikan notis selanjutnya.

Bertarikh pada haribulan20.....

.....
(Tandatangan pegawai yang diberi kuasa)

*Potong jika tidak berkenaan

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024
Borang 9 Jadual Pertama
(Subkaedah 20(4))

TAWARAN MENKOMPANAKAN KESALAHAN

Kepada Pentadbir Tanah _____;

No. rujukan :
(sila nyatakan rujukan apabila membalas surat)

Merujuk kepada surat Tuan mengenai tawaran kompaun, no. rujukan
..... bertarikh

2. Saya dengan ini menerima tawaran tersebut dan menyertakan
bersama-sama ini *wang tunai/kiriman wang/wang pos/draf bank no.
..... berjumlah (Ringgit
Malaysia:)
sebagai bayaran kompaun.

Tandatangan : Tarikh:

Nama penuh (huruf besar) :

Alamat di

**Potong jika tidak berkenaan*

JADUAL KEDUA

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

Kaedah-Kaedah Pemajukan Pertanian Negeri Kelantan 2024
(Subkaedah 9(1))

Bil	Tanaman	Jenis	Pendapatan Bersih / Tahunan (RM)
1	Padi		
2	Sayur-Sayuran (Item 2)	Sayur buah	≥40,000 ke atas
		Sayur daun	≥40,000 ke atas
3	Buah-Buahan (Item 1)	Durian D197 (Raja Kunyit)	≥40,000 ke atas
		Durian lain-lain klon	≥40,000 ke atas
		Lain-lain buah	≥40,000 ke atas
4	Kelapa (Item 3)		≥40,000 ke atas
5	Florikultur (Item 3)		≥40,000 ke atas
6	Cendawan (Item 3)		≥40,000 ke atas
7	Herba (Item 3)		≥40,000 ke atas
8	Tanaman Komoditi	Kelapa Sawit	≥40,000 ke atas
		Getah	
		Koko	
		Lada hitam	
		Lada Putih	
		Kenaf	
		Kopi	
		Tembakau	

Item 1

	Buah-buahan	Nama Klon
1	Durian Klon Premium	D200 (Duri Hitam @ Ochee)
		D197 (Raja Kunyit @ Musang King)
		D214 (Tupai 226 @ Tupai King)
2	Durian Lain-lain Klon	D1
		D2 Dato Nina
		D3
		D4 Repok B2
		D6
		D7
		D8
		D10 Durian Hijau
		D16
		D24 Bukit Merah
		D29
		D30 Ho Keun No. 1
		D33 Sakai No. 1
		D38 Hj. Abu
		D53
		D63
		D66 Durian Raja
		D84
		D88 Bangkok 8
		D90
		D92 Biancheng
		D96 Bangkok A
		D97 Foo
		D98 Katoi
D99 Kop Kecil		
D100 Khaw		
D101 Bangkok Tree 16		
D102 Bangkok Tree 17		
D103 Bangkok Tree 28		
D104 Taiping 2		
D105 Durian Ganja/ Taiping 3		
D106 Taiping 5		

	Buah-buahan	Nama Klon
		D107 Durian Ular Kekek
		D108 Nasi Kunyit
		D109 Seberang Manong 4
		D110 Seberang Manong 5
		D111 Emas Enggang
		D112 Emas Perak
		D113 Raja Patani
		D114 Kampan
		D115 Mas Pahang 1
		D116 Durian Batu
		D117 Durian Gombak
		D118 Durian Tembaga
		D119 Durian Ganjil
		D120 KK5 Manong
		D121 Emas Pahang II
		D122 RimD1
		D123 Chanee
		D124 RimD5
		D125 Kop Jantung
		D126 Kop T.24
		D127 Kop T.25
		D128 Pakta T.66
		D129 Chanee T. 41
		D130 Kan Yau T.63
		D131 Katoi T.9
		D132 Eddie Special
		D133 Durian Rambutan
		D134
		D135 Foo Fatt
		D136 Senggarang 1
		D137 Senggarang 2
		D138 Senggarang 3
		D139 Senggarang 4
		D140 Dx/ Rouge D24
		D141 Hybrid T.No.30 (D101Xd2)
		D142 Hybrid T.No.34 (D66Xd2)

	Buah-buahan	Nama Klon
		D143 Hybrid T.No.57 (D2Xd7)
		D144 Hybrid 7 (D24Xd2)
		D145 Tuan Mek Hijau/ Beserah
		D146 Lempur Mas
		D147 Paya Lintah Kuning
		D148 Paduka
		D150 Empring Emas
		D151 Kancong Darat
		D152 Katak
		D153 K.Kangsar 2
		D155 Sri Kaya
		D156 Kg. Perak
		D157 Seberang
		D158 Kan Yau/ Tangkai Panjang
		D159 Mon Thong/ Bantal Mas
		D160 Buluh Bawah
		D161 Merah
		D162 Tawa
		D163 Hortor/ Labu
		D164 Ang Bak/ Isi Merah
		D165 Cheh Chee
		D166 Balik Pulau 604
		D167 Buaya
		D168 Durian Mas Hjh.Hasmah
		D169 Tok Litok
		D170 Kepala Babi
		D171 Durian Sg.Sut
		D172 Durian Botak
		D173 Durian Siew
		D174 Durian Haji Sani
		D175 Udang Merah
		D176 Durian Kuning
		D177 Juara 90 Penang
		D178 Penang 88
		D179 Penang 99
		D180 Penang Bintang
		D181 Ghani

	Buah-buahan	Nama Klon
		D182
		D183 Kop Besar
		D184 Titi Kerawang
		D185 Pikat
		D186 Nasi Kunyit Terengganu
		D187 Saddam
		D188 MOUR78
		D189 MDUR79
		D190 MOUR88
		D191 PK110
		D192 PK285
		D193 Jurong 3
		D194 Gabai
		D195 Raja Hutan
		D196 Simpang Permata
		D198 Kim Hong
		D199 Kim Hong
		D201 Kim Luang
		D202 Apian
		D203 Kappai
		D204 Bintang
		DQ1 Kuning (DG25)
		DQ2 Nyekak (DK8)
		D205 Durian Lipur
		D206 Tok Merah
		D207 Jantung
		D208 Kang Hai
		D209 Tepi Sungai
		D210 Pak Awang V22
		D211 Kuala Paya Merah P089
		D212 S17
		D213 Tungku 3
		D215 WM
3	Durian kampung	*durian yang tidak didaftarkan sebagai klon terpilih oleh Jabatan Pertanian Malaysia
4	Lain-lain Buah	Belimbing

	Buah-buahan	Nama Klon
		Betik
		Cempedak
		Ciku
		Dokong
		Duku
		Jambu Batu
		Langsat
		Limau Besar
		Limau Manis
		Mangga
		Manggis
		Mata Naga
		Nanas
		Nangka
		Pisang
		Pulasan
		Rambutan
		Salak
		Tembikai
		Anggur
		Avacado
		Bacang
		Bambangan
		Belimbing Buluh
		Belimbing Hutan
		Belunu
		Berangan
		Bidara Siam
		Dabai
		Durian Belanda
		Gajus
		Jambu Air
		Jambu Air Mawar
		Kabung/Enau
		Kedondong/Amra
		Kundang
		Kuini

	Buah-buahan	Nama Klon
		Lemon
		Longan
		Markisa
		Mata Kucing
		Mentega
		Mesta
		Nona Kapri
		Nona Srikaya
		Pisang Kaki
		Rambai
		Sentol
		Strawberi
		Sukun
		Terap
		Tembikai Susu
		Tembikai Wangi/Melon
		Binjai
		Tampoip/Puak
		Delima

Item 2

	Sayur-sayuran	Jenis Sayur
1	Sayur Buah	Bendi
		Cili
		Cili Padi
		Kacang Buncis
		Kacang Panjang
		Kacang Botol
		Labu Air
		Labu Manis
		Peria
		Peria Katak
		Petola Segi
		Petola Ular
		Terung

	Sayur-sayuran	Jenis Sayur
		Timun
		Tomato
		Jagung Sayur
		Lada Besar
		Zukini
		Jagung Manis
		Kacang Tanah
		Tebu Kuning
		Ubi Kayu
		Ubi Keledek
		Ubi Badak
		Ubi Kemili
		Keladi
2	Sayur Daun	Bayam
		Cekur Manis
		Daun Bawang
		Kailan
		Kangkung
		Kobis Bulat
		Lobak Putih
		Salad
		Sawi
		Maman
		Pucuk Paku

Item 3

	Jenis Tanaman	Nama Tanaman
1	Cendawan	Cendawan Tiram Kelabu
2	Florikultur	Anthurium
		Bunga Carnation
		Gerbera
		Hippeastrum (Lily)
		Kekwa
		Rosa/Ros
		Bunga Matahari
		Heliconia

	Jenis Tanaman	Nama Tanaman
		Heliconia Kuning
		Heliconia Sepit Ketam
		Heliconia Sepit Udang/ Heliconia Lelipan
		Anthurium Daun Cuping
		Apparagus
		Dracaena
		Lelayar Putih/Bunga Seludang
		Paku Pakis
		Orkid Aerides
		Orkid Aranda
		Orkid Aranthera
		Orkid Cattleya
		Orkid Dendrobium
		Orkid Phalaenopsis
		Orkid Renanthera
		Orkid Vanda
		Adal-Adal/Bunga Puding/ Puding
		Adiantum
		Agave
		Agave Amerika
		Aglaonema
		Ajuga
		Akalifa
		Akar Ruas-Ruas/Rumput Israel
		Allamanda (Kuning)
		Alpinia Merah
		Alpinia Putih
		Alternanthera Merah
		Amra Hiasan
		Angelonia/Bunga Satay
		Anis/Pedendang
		Ara India
		Ara/Buah Tin
		Ara/Jajawi/Ficus
		Asam Batu

	Jenis Tanaman	Nama Tanaman
		Aster
		Ati-Ati
		Azalea
		Balung Ayam
		Bayam Merah Hiasan
		Benalu Merah/Pokok Daun Logam
		Beredin Dudar
		Birah
		Bogak Jepun
		Bromeliad
		Buluh Pagar
		Bunga Anis
		Bunga Aptenia
		Bunga Bakong
		Bunga Bawang
		Bunga Butang
		Bunga Cina/Kaca Piring/Bunga Susu
		Bunga Ekor Kuda
		Bunga Emas
		Bunga Gincu
		Bunga Inai/Inai Merah
		Bunga Kertas
		Bunga Lilin
		Bunga Melur
		Bunga Raya
		Bunga Raya 'Sharon'
		Bunga Raya Tanglung
		Bunga Serombong
		Bunga Bunga Tahi Ayam
		Seri Pagi
		Bunga Tanjung
		Bunga Tasbih
		Bunga Teluki
		Bunga Tiga Bulan
		Bunga Trompet

	Jenis Tanaman	Nama Tanaman
		Cactus
		Calanthea
		Calathea
		Cempaka
		Cempaka Biru
		Cempaka Hutan
		Cempaka Telur/Pisang-Pisang
		Cordyline
		Cuphea
		Cycas
		Cycas/Paku Laut
		Cyclamen
		Dahlia
		Daisy
		Dedap Batik
		Difenbakia
		Dracaena
		Duranta
		Ekor Kucing
		Eugenia /Kelat Paya
		Fittonia
		Gandasuli
		Gelenggang Hiasan
		Halia Daun Kuning/Halia Jalur Kuning
		Halia Jalur Putih
		Halia Merah
		Inai Keling/Kesumba/Kunyit Jawa
		Inai Merah/Inai India
		Jambul Merak
		Janda Kaya
		Janda Kaya Putih
		Jarak Bunting/Jarak Buncit
		Jejarum/Siantan
		Jeliti/Anting Putri
		Jubah Merah Brazil

	Jenis Tanaman	Nama Tanaman
		Juniper
		Kadok
		Kaktus
		Kaliandra
		Kaliandra Merah
		Kana/Gerenyung/Ubi Gerada/ Bunga Tasbih
		Kantan
		Kasia Kuning
		Keembung
		Keladi Telinga Gajah
		Keledek Bunga/Keledek Kuning
		Kembang Emas
		Kembang Lohor
		Kemboja
		Kemboja Cina
		Kemuning
		Kemunting Cina
		Kenanga
		Kerak Nasi/Kesidang
		Ketup-Ketup
		Kiambang
		Kleodendrum Putih
		Krossandra Jingga
		Kucaai Bunga Putih
		Kuku Jin
		Kuping Gajah
		Langsuria
		Lidah Ayam
		Lidah Buaya Hiasan/Aloe Vera
		Lidah Jin/Lidah Mak Mertua
		Lili Pandan
		Macarthur Palm
		Mahkota Duri
		Mansoa
		Mata Kucing/Lidah Kucing
		Menerong Kecil

	Jenis Tanaman	Nama Tanaman
		Mengkudu Siam
		Naga Buana
		Nibung
		Orkid Mokara
		Orkid Oncidium
		Osmoxilon
		Paku Tanduk Rusa/Pokok Tanduk Rusa
		Paku-Pakis
		Palma Bismark
		Palma Buluh
		Palma Iskandar
		Palma Manila
		Palma Raja
		Pandan Pigmi/Pandan Kuning Kecil
		Pandanus
		Pepanggil /Bunga Pagoda
		Periuk Kera
		Petunia
		Phoenix SP/Kurma
		Philodendron
		Pinang Botol
		Pinang Rajah
		Pinang Sirih
		Pintoi/Kacang Kuning
		Piring Kuning
		Pisang Derhaka/Pisang Hiasan
		Pisang Kipas
		Pokok Autograf
		Pokok Duit-Duit
		Pokok Krismas
		Pokok Langsuir/Sakat-Sakat/ Sesakat
		Polisias Bulat
		Polisias Kuning
		Ponytail Palm

	Jenis Tanaman	Nama Tanaman
		Portulaka/Ros Jepun
		Pseuderanthemum
		Puding
		Radiator Plant
		Ravenala Palm
		Rhapis
		Rhu/Pine
		Roystonea Regia/Pinang Raja
		Rumput Zoysia
		Salix
		Sarjan Hassan
		Schefflera/ Dwarf Umbrella Tree
		Semalam, Hari Ini, Esok
		Semarak Api
		Senduduk Biru/Senduduk Baldu
		Serombong Biru
		Setawar
		Sisik Naga
		Spathiphyllum/Peace Lily
		Strelitzia/Pokok Pisang Hiasan
		Succulent
		Sundal Malam
		Sundew
		Susun Kelapa
		Syngonium
		Syngonium Sp./Keladi Hiasan
		Tamarindus Indicus/Asam Jawa Hiasan
		Tapak Kuda/Bauhinia Putih/ Bunga Perak
		Teh Pagar/Teh Kampung
		Tekoma Kuning
		Tekomaria Jingga
		Telinga Gajah
		Tembaga Suasa
		Teratai
		Thuja/Pokok Ru

	Jenis Tanaman	Nama Tanaman
		Turnera Sp./Pukul Lapan Pagi
		Venus Penangkap Lalat
		Vinca
		Wedelia
		Zamio
		Zebra Plant
3	Herba	Jering
		Mas Cotek
		Mengkudu/Noni
		Misai Kucing
		Pandan
		Pegaga
		Petai
		Serai Wangi
		Ulam Raja
		Belalai Gajah
		Bonglai
		Cekur
		Dukung Anak
		Gelenggang
		Halia Bara
		Hempedu Bumi
		Inai
		Jarum Tujuh Bilah
		Kacip Fatimah
		Kesum
		Kunyit Hitam
		Lemon
		Lidah Buaya
		Melada Pahit
		Nilam
		Pecah Beling
		Petai Belalang
		Pudina
		Sirih
		Stevia
		Temu Lawak

	Jenis Tanaman	Nama Tanaman
		Terung Pipit
		Kemangi
		Kelor
		Tongkat Ali
		Bunga Kantan
		Halia
		Kayu Manis
		Kunyit
		Lengkuas
		Limau Kasturi
		Limau Nipis
		Serai
		Asam Gelugor
		Asam Jawa
		Cengkih
		Kari
		Ketumbar
		Limau Purut
		Pala
		Selom
4	Kelapa	CN1 Kelapa Tinggi Malaya (Malayan Tall)
		CN2 West African Tall Green
		CN3 Mawa
		CN4 Malayan Red Dwarf
		CN5 Malayan Yellow Dwarf
		CN6 Kelapa Pandan
		CN7 Tagnanan Green
		CN8 Tagnanan Orange
		CN9 Tagnanan Gold
		CN10 Rennal Tall Green
		CN11 Rennal Tall Orange
		CN12 Rennal Tall Gold
		CN13 Matag Green
		CN14 Matag Orange

	Jenis Tanaman	Nama Tanaman
		CN15 Matag Gold
		CN16 Sg. Gulam Gulam (SGG)
		CN17 Tacunan Green Dwarf (TACD)
		CN18 Tumpat Rendah Ringan (TRR)

JADUAL KETIGA

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

Kaedah-Kaedah Pemaajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024
Jadual Ketiga
(Kaedah 19)

1. Fidan bayaran pejabat bagi aktiviti pertanian komersil adalah sebagaimana berikut:

BIL	Perkara	Fi / Bayaran		
		Dalam Kawasan Pemaajuan Pertanian	Luar Kawasan Pemaajuan Pertanian	
1	Memfail mana-mana permohonan	RM200.00	RM200.00	
2	(a) Fi Laporan Penilaian Kesesuaian Tanah	RM500/hektar	RM500/hektar	
	(b) Fi lanjutan tempoh sah laporan	RM250/hektar	RM250/hektar	
	(c) Laporan Pembaharuan Kesesuaian Tanah	RM250/hektar	RM250/hektar	
	(d) Bayaran Sijil Perakuan	RM300.00	RM300.00	
3	(a) Fi Pemindahan Hasil Pertanian			
	Jenis Tanaman			
	i. Buah-buahan (Item 1)	Durian Klon Premium	RM 0.15 / kg	RM 0.10 / kg
		Durian Klon Lain-lain	RM 0.05 / kg	RM 0.05 / kg
		Durian Kampung	RM 0.04 / kg	RM 0.03 / kg
		Lain-lain Buah	RM 0.03 / kg	RM 0.02 / kg
	ii. Sayuran (Item 2)	Sayur buah	RM 0.03 / kg	RM 0.02 / kg
		Sayur daun	RM 0.02 / kg	RM 0.01 / kg
	iii. Tanaman Komoditi	Kelapa Sawit	RM 0.05 / kg	RM 0.03 / kg
		Getah		
		Koko		
		Lada Hitam		
		Tembakau		

	iii. Lain-lain (<i>Item 3</i>)		RM 0.03/ kg	RM 0.02/ kg
BIL	Perkara	Fi / Bayaran		
		Dalam Kawasan Pemajuan Pertanian	Luar Kawasan Pemajuan Pertanian	
	(b) Bayaran Permit		RM 200.00/ Permit	RM 200.00/ Permit

2. Fi dan bayaran pejabat bagi tanaman padi hanya terpakai kepada pengilang sahaja.

JADUAL KEEMPAT

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024
Laporan 1 Jadual 4
(Subkaedah 11(1))

LAPORAN PENILAIAN KESESUAIAN TANAH



JABATAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN
BEG BERKUNCI NO.22, 15990
KOTA BHARU KELANTAN



Tel: 09-7442400 Fax: 09-7441047

LAPORAN PENILAIAN KESESUAIAN TANAH (LPKT)

Rujukan Kami:
Rujukan Peta:
Tarikh:
Rujukan Tuan:

Tujuan Permohonan: Laporan Penilaian Kesesuaian Tanah

Nama Pemohon:
Alamat:

Kawasan:

Mukim:
Daerah:
Jajahan:
Negeri:
Keluasan:

(Laporan ini mengandungi empat (4) muka surat)

Panduan Penggunaan Laporan Ini

1. Laporan Kesesuaian Tanah-Tanaman ini mengandungi Peta Tanah-Teren dan laporan kesesuaian. Jenis-jenis tanah dan sebarannya adalah sebagaimana yang tertera diatas peta, manakala sifat-sifat tanah, halangan-halangnya dan kesesuaian tanahnya adalah sebagaimana didalam helaian-helaian berikutnya.
2. Unit Pemetaan (atau simbol) yang digunakan diatas peta ialah mewakili sama ada Siri Tanah, Kesatuan Tanah, Kompleks Tanah atau unit pelbagai, bersama dengan kelas rupabumi atau terennya. Kelas teren yang digunakan adalah seperti berikut:

Simbol	Kelas Teren	Simbol	Kelas Teren
1	Rata (0 - 2 ⁰)	5	Sangat berbukit (20 - 25 ⁰)
2	Beralun (2 - 6 ⁰)	6	Curam (25 ⁰ - 30 ⁰)
3	Berombak (6 - 12 ⁰)	7	Sangat curam (> 30 ⁰)
4	Berbukit (12 - 20 ⁰)		

3. Kesesuaian tanah untuk tanaman adalah berdasarkan penilaian ke atas sifat-sifat tanahnya terhadap keperluan tanaman yang dinilai. Empat tahap kesesuaian digunakan iaitu:
 - i) Sesuai bermaksud semua sifat-sifat tanahnya memihak baik kepada keperluan tanaman yang dipilih.
 - ii) Sederhana sesuai apabila satu atau lebih sifat-sifat tanahnya tidak begitu memihak baik kepada keperluan tanaman yang dipilih, dan
 - iii) Berpotensi sederhana sesuai bermaksud tidak sesuai untuk tanaman yang dinyatakan, di dalam keadaan semasanya tetapi berpotensi dimajukan dengan mengambil langkah-langkah pembaikan utama (seperti perparitan bagi menurunkan paras air).
 - iv) Tidak sesuai ialah dimana satu atau lebih sifat-sifat tanahnya tidak membolehkan tanaman yang dipilih diusahakan secara komersil seperti tanah cetek ke lapisan berbatu dan tanah curam (25⁰ - 30⁰). Penanaman di tanah sebegini boleh merosakkan tanah atau alam sekitar.
4. Kesesuaian tanaman adalah di tahap pengurusan sederhana yang lazim pada masa kini, di mana semua syor dilaksanakan dengan baik. Manakala kesesuaian potensi memerlukan di tahap pengurusan yang lebih tinggi sebagaimana yang disyorkan.
5. Kesesuaian tanaman selain dari yang diminta juga ditunjukkan sebagai perbandingan atau untuk kegunaan masa hadapan apabila diperlukan. Kesesuaian bagi tanaman yang tiada di dalam senarai, diandaikan sama seperti tanaman yang mempunyai bentuk dan fisiologi yang hampir sama.

Keterangan Jenis Tanah dan Kesesuaiannya

Simbol	Nama tanah/ Unit Pemetaan	Rupa bumi	
Sifat-sifat Tanah		Pembatasan Tanah	
Kesesuaian bagi Tanaman Utama			
Sesuai	Sederhana Sesuai	Berpotensi Sederhana Sesuai	Tidak Sesuai
Amalan Pengurusan Tanah-Tanaman:			

2. PAKEJ TEKNOLOGI TANAMAN

2.1 JADUAL PENYEDIAAN TANAH

2.2 JADUAL PENANAMAN TANAMAN

Disediakan Oleh:

Disemak Oleh:

Disahkan Oleh:

Penolong Pegawai
Pertanian
Jabatan Pertanian Negeri
Kelantan

Pegawai Pertanian
Jabatan Pertanian Negeri
Kelantan

Pengarah Pertanian
Negeri Kelantan
Jabatan Pertanian Negeri
Kelantan

ENAKMEN PEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN 2022

Kaedah-Kaedah Pemajuan Pertanian Negeri Kelantan 2024
Laporan Jadual 4
(Kaedah 17)

LAPORAN BERKALA AKTIVITI PERTANIAN

No. Laporan Penilaian Kesesuaian Tanah (LPKT):

Nama (tuan punya/pengusaha) :

1. Kawasan yang diliputi oleh Laporan:
2. Jenis kerja yang dijalankan dalam suku tahun:
(contoh: Kerja pembersihan, keluasan penanaman yang dimulakan, penyemaian, pembajaan dan penuaian atau apa-apa aktiviti pertanian lain
3. Hasil pertanian yang dikutip dalam suku tahun:
4. Bilangan hari bekerja dan bilangan pekerja yang terlibat:
5. Faktor yang menghalang kemajuan kerja, jika ada:
6. Pematuhan kepada Laporan Penilaian Kesesuaian Tanah (LPKT):
7. Maklumat lain yang berkaitan:

Bertarikh pada haribulan20.....

Laporan disediakan oleh:

Tandatangan /
Tandatangan & cop rasmi

STATE OF KELANTAN AGRICULTURE DEVELOPMENT ENACTMENT 2022

STATE OF KELANTAN AGRICULTURE DEVELOPMENT RULES 2024

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rules

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

ADMINISTRATION

3. Establishment of Agriculture Development Committee
4. Functions of Committee
5. Meetings of Committee
6. Committees' duty on the administration of the Agriculture Development Fund
7. Purpose of the Fund
8. Appointment of State Agriculture Officer
9. Commercial agriculture land category
10. Power to require agriculture production information

PART III

CERTIFICATE, PERMIT, ETC

Chapter 1

Land Suitability Assessment Report

11. Preparation of report
12. Form and condition for the Certificate
13. Renewal of Land Suitability Assessment Report

Chapter 2

Application for Transfer of Agriculture Produce Permit

14. Application for permit
15. Form and condition for permit

PART IV

GENERAL PROVISION

16. Appeal
17. Periodic Activity Report
18. Power to require payment of deposit
19. Payments and fees
20. Compoundable offences
21. Service and publication of notice
22. Prescribed form

FIRST SCHEDULE
SECOND SCHEDULE
THIRD SCHEDULE
FOURTH SCHEDULE

